

# KASIH IBU

*Nurwafa Abdul Mutalib*

Universiti Sains Islam Malaysia

Sadaqallahul ‘azim. Selesai bacaan Al-Quran harianku. Setiap malam, aku akan memperuntukkan masa untuk membaca kalam suci itu selepas sembahyang Maghrib sementara menunggu masuknya waktu Isya’. Itu menjadi amalan harianku semenjak kecil lagi hasil didikan ibu dan abah. Kebetulan malam ini, sengaja aku habiskan awal, lalu aku berjumpa ibu di bilik. Kelihatan wajahnya masih kepenatan dan sendu sahaja. Mungkin masih teringat dengan perbualan pagi tadi.

“Ibu, mahu makan sekarang atau selepas Isya’ nanti ye?” Tanya aku.

“Ibu tak ada seleralah, kamu makanlah nanti. Habiskan sahajalah baki lauk tengahari tadi. Nanti ibu teman kamu makan ya,” kata ibu ringkas. Aku tahu, ibu akan menjawab begitu. Mana tidaknya, hari ini ibu bagai ditembak bertalu-talu dengan mulut-mulut orang kerana keputusannya. Padahal, ibu tahu apa yang dia lakukan itu untuk kebaikan anak-anaknya juga. Sejak abah pergi kerana sakit barah tujuh tahun yang lalu, ibulah yang menjadi tempat kami lima beradik bergantung harap. Segala kasih sayang, keperluan dan didikan yang ibu berikan amat bermakna buat kami. Tambahan pula, ibu amat menitikberatkan soal agama. Jadi, kami adik-beradik juga lebih cenderung untuk belajar aliran agama berbanding aliran pelajaran akademik.

Tiga hari lalu, kami sekeluarga pulang ke kampung. Kata ibu, nenek mengajak semua anak cucunya pulang berkumpul memandangkan cuti hujung tahun telah pun tiba. Riu rendah suasana rumah kampung nenek dengan suara cucu-cucunya; gelak tawa, gurau senda sepupu sepapat dan bunyi mercun yang dibeli Paksu di pasar petang tadi. Rasa seperti menyambut hari raya pula. Rumah kampung itu pastinya menyimpan seribu satu nostalgia buat ibu dan adik-beradiknya. Papan rumah itu masih utuh dan berkilat lagi. Biarpun rumah nenek kini dibesarkan sedikit kawasan belakangnya dek kerana pertambahan ahli dalam keluarga, namun binaan rumah asal masih dikekalkan atas permintaan nenek.

Nenek kelihatan gembira melihat cucu-cucunya bermain. Biarpun ada yang sibuk dengan gajet, asalkan cucu-cucunya berada di depan matanya, itu sudah cukup membuatnya tersenyum gembira. Wajahnya yang berkedut seribu itu kelihatan seakan tegang semula,

terserlah kegembiraan dan rasa terharu melihat semua berkumpul bersama. Tanpa disedari, menitis juga air mata kegembiraannya itu.

“Nenek, kenapa menangis pula, kan kami ada di sini. Nenek janganlah sedih-sedih.” Sengaja aku menyapa nenek.

“Nenek bukan apa, cu. Sekarang nenek rasa bahagia dan tenang tengok semua ada di sini, entah sampai bilalah nenek boleh tengok kamu semua ni, terasa cepat masa berlalu, semuanya sudah besar panjang dah,” dengan nada sendu nenek menjawab pertanyaanku.

“Insya-Allah nek, nenek pun masih sihat lagi, Insya-Allah panjang umur nenek, boleh tengok Sarah kahwin nanti hehehe.” Seloroh aku. Padahal umur baru lepasan SPM, sudah fikir ke situ pula. Nenek tersenyum, lalu menghadaikan satu ciuman di pipiku. Sungguh, selain ciuman ibu, ciuman manja daripada nenek membuatkan aku rasa sangat disayangi. Semoga Tuhan terus memberi kesihatan yang baik dan memanjangkan umur nenek.

Hari terakhir di rumah nenek, ibu bercadang untuk pulang awal kerana ingin menghantar adik bongsuku ke sebuah pondok pengajian agama di Perak. Pagi itu, setelah selesai sarapan pagi, ibu memberitahu ahli keluarganya yang lain tentang adik bongsuku yang diterima masuk ke pondok tersebut.

“Kau ni kan acik, tak habis-habis nak hantar anak-anak kau ke sekolah pondoklah, sekolah agamalah, ada masa depan ke anak-anak kau tu? Balik-balik jadi ustaz ustazah je, tak pergi mana pun lah mereka tu. Setakat tu sahajalh pendidikannya. Yang si Sarah ini pun, habis SPM dapat tawaran kolej agama jugak kan? Cubalah kau ajar anak kau ambil bidang akademik ke, tengok anak aku, belajar *straight A* boleh masuk universiti awam, dapat pengajian jurutera lagi, kan cerah masa depan tu.” Mulalah Mak Ngah membebel.

Sejak dulu, dia memang suka membanding-bandingkan anak-anaknya dengan anak-anak ibu. Katanya. Orang belajar agama ni tiada masa depanlah, itulah, inilah. Aku pula yang naik angin mendengar bebelan Mak Ngah. Wajahku memang sudah berubah, seperti singa yang kelaparan. Menahan marah. Geram dengan kata-kata Mak Ngah. Ibu perasan akan perubahan riak wajahku itu. Dia membuat memek muka senyum ke arahku sebagai tanda menyuruh aku bertenang dan tidak melawan kata-kata Mak Ngah.

“Ngah, budak-budak ni pun belajar agama untuk masa depan mereka juga, lagipun memang mereka minat nak ke arah tu, aku sokong sahajalh. Soal masa depan, kerja dan lain-lain tu, Tuhan dah aturkan rezeki kita masing-masing. Yang penting perangai anak-anak aku

ni terjaga dan ada asas agama yang kuat. Tak adalah risau aku ni kalau-kalau mereka merantau ke luar ke, dapatlah mereka jaga diri. Lagi-lagi kalau aku dah tak ada nanti. Inilah satu-satunya saham akhirat aku sampai kiamat nanti.” Panjang lebar ibu menjelaskan.

“Alah kau ni cik, balik-balik itu jelah alasan kau. Ikutlah, aku dah beritahu awal-awal. Aku tak nak anak-anak aku hidup sekadar tahap tu sahaja. Aku pun ajar anak-anak aku pelajaran agama, tapi aku tak adalah kolot sangat nak suruh anak aku duduk sahaja di tempat yang sama kan.” Dengan riak wajah yang sinis Mak Ngah membalas kata-kata ibu sebentar tadi.

“Ngah, sudah-sudahlah Ngah kau cakap macam tu. Mak tengok, walaupun anak-anak kau tu belajar tinggi, tapi kalau perangai asyik dengan telefon, suruh sembahyang pun hujung waktu, nak suruh tolong di dapur pun apatah lagi, jauh perginya. Kau jangan sombong Ngah, mentang-mentang bersuamikan lelaki berpangkat tinggi, hal pendidikan anak-anak saudara kau pun kau nak pertikaikan. Masing-masing ada kelebihan kekurangan masing-masing. Tuhan bagi rezeki pada semua hamba nya, dan bila-bila masa pun Tuhan boleh tarik nikmat tu semula.” Kata nenek dengan nada yang kecewa.

Nenek selama ini yang hanya memerhatikan sahaja perbualan ibu dan Mak Ngah, kini sudah mula bersuara. Suasana meja makan sunyi seketika. Ibu hanya meneguk baki air teh o yang dituang tadi. Tidak berani membalas apa-apa.

“Mak ni kan, dari dulu memang suka sangatlah kan sokong si acik ni. Sayang sangat pada acik ni. Entah apa yang acik bagi pada mak berbanding anghah ni. Tetap jugak nak menangkan acik kan!” Bentak Mak Ngah. Lalu dia terus menolak kerusi ke belakang dengan kasar dan beredar daripada meja makan. Semua sudah tahu akan perangai Mak Ngah yang panas baran itu. Kalau dilawan, lagi menjadi-jadi barannya. Riak wajah nenek kelihatan sedih dengan tindakan anaknya itu. Entah di mana silapnya dalam mendidik anak-anak. Perangai Mak Ngah yang suka membanding-bandingkan ini semakin menjadi-jadi semenjak dia berkahwin dengan Pak Ngah, seorang penguasaha syarikat besar Malayasia yang kini sedang meningkat naik di dalam dunia keusahawanan.

Teringat peristiwa petang tadi, sampai tak sedar azan Isya’ sudah berkumandang tiba. Aku memegang tangan ibu yang lembut itu, aku tatap wajahnya yang manis, kedutan di hujung kelopak matanya mula kelihatan.

“Ibu, apapun yang orang nak kata, biarkan sahajalah ibu.” Aku menghela nafas seketika.

“Yang penting, Sarah, abang dan adik-adik dapat kasih sayang dan restu ibu, restu arwah abah sepanjang hidup kami, ya ibu. Sarah bersyukur sangat ibu, apa yang ibu bagi pada kami adik-beradik ni dah lebih daripada cukup dah ibu. Sarah sayang ibu sampai bila-bila tau. Ibulah satu-satunya harta paling berharga yang Sarah ada, yang Sarah akan jaga sampai bila-bila. Itu janji Sarah untuk ibu.”

Kuhadiahkan pelukan erat buat ibu. Dakapan yang sempurna. Terasa seperti ada air mata yang menitis ke bahu. Aku tahu, ibu pasti merasa terkilan dengan apa yang jadi. Segala penat lelah ibu mencari kerja, menghantar kami ke sekolah, memberi makan pasti bukan sesuatu yang mudah untuk dilalui oleh seorang ibu tunggal. Sungguh, kecekalan hati ibu membuat aku berazam untuk menjadi wanita yang kuat dan tabah untuk mengharungi masa hadapan kelak.

“Dahla ibu, jom kita solat sama-sama nak tak? Sarah panggil abang dengan adik-adik sekali ya. Lepastu boleh kita makan sama-sama kan ibu. Sarah dah teringat sambal bilis ibu ni heheh.” Akhirnya ada juga ukiran senyuman di wajah ibu, lalu mengangguk tanda setuju. Aku keluar dari bilik ibu untuk memanggil abang dan adik-adik. Ketika di sebalik luar pintu bilik ibu, aku mendengar doanya.

“Ya Allah, sesungguhnya aku bersyukur kerana engkau mengurniakan aku anak-anak yang taat dan soleh solehah. Kau lindungilah mereka dari fitnah dunia, permudahkanlah urusan anak-anak ku menuntut ilmu dan jadikanlah mereka orang yang sentiasa mensyukuri nikmat-Mu.”